

03/09/1998

Negeri berdiri teguh di belakang Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan-kerajaan negeri menyatakan sokongan padu terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tindakan melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Di KUALA TERENGGANU, Badan Perhubungan Umno Terengganu memberi jaminan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam isu pelucutan jawatan Anwar.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata Perdana Menteri tahu apa yang dibuat dan tindakan itu adalah atas kepentingan negara serta kestabilan politik.

"Kita memberi penuh kepercayaan kepada Dr Mahathir untuk memimpin negara dan menangani masalah ekonomi yang sedang dihadapi," katanya.

Wan Mokhtar yang juga Ketua Umno Perhubungan negeri meminta ahli Umno bertenang dan jangan membuat tanggapan melulu terhadap isu itu bagi menjaga kepentingan semua pihak dan kestabilan politik.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang berada di Kuala Terengganu pula berkata Umno Melaka menyokong penuh tindakan Dr Mahathir itu.

Katanya, Melaka sudah membuat keputusan menyokong Dr Mahathir dalam sebarang keputusan yang dibuat.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob akur dengan keputusan pelucutan jawatan Anwar. Beliau berkata, hanya Perdana Menteri saja yang mempunyai kuasa untuk memecat dan melantik anggota Kabinetnya.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yakin Perdana Menteri melucutkan jawatan timbalannya selepas menimbang dan mengkaji perkara itu dengan mendalam.

Sehubungan itu, beliau yakin Dr Mahathir mengambil tindakan itu untuk kebaikan orang ramai dan negara serta pentadbiran pimpinannya.

Ramli meminta rakyat menerima keputusan berkenaan dengan hati yang terbuka.

"Saya harap tiada pihak yang mengambil kesempatan menimbulkan masalah. Saya juga berharap orang ramai bertenang," katanya.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid berkata Perdana Menteri mempunyai sebab tertentu bertindak melucutkan jawatan Anwar.

Menurutnya, dalam perjumpaan Dr Mahathir dengan semua Menteri Besar malam semalam, Perdana Menteri diberi sokongan penuh oleh semua Menteri Besar berhubung tindakannya itu.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pelucutan jawatan Anwar bukan suatu perkara luar biasa.

Katanya, di New Zealand bulan lalu, Perdana Menteri negara itu melakukan tindakan yang sama terhadap timbalannya.

"Kita perlu faham jawatan itu (Timbalan Perdana Menteri) adalah hak Perdana Menteri. Beliau bebas melantik atau memilih sesiapa saja. Begitu juga sebaliknya. Jika kita faham, sudah tentu tidak timbul masalah," katanya.

Beliau juga percaya Umno tidak berpecah kerana ahli akan memahami tindakan itu apabila diberi penerangan.

"Lagipun, Umno sudah berpengalaman dalam perkara ini. Ini bukan perkara baru dalam parti," katanya.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar berkata Perdana Menteri boleh melantik dan memecat mana-mana anggota Kabinet dan kerajaan.

Beliau memberi jaminan pegawai dan Exco kerajaan Selangor akan menerima keputusan Dr Mahathir.

"Kita di Selangor akur dengan apa yang diputuskan Perdana Menteri.

"Saya berharap semua pihak bertenang dan berfikir secara waras dengan mengutamakan kepentingan negara, negeri dan parti," katanya.

Di KANGAR, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, menggesa rakyat menerima pelucutan jawatan Anwar dengan sabar dan tabah.

Beliau mahu setiap ahli parti komponen BN negeri ini berdiri teguh di atas keputusan Dr Mahathir berhubung perkara itu.

(END)